# DAP

Cetakan pertama: ... Mei, 1990

© Nusantara Publishing Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

**Penerbit:**

NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
Suite 9.3, Tingkat 9, Wisma On-Tai,
161, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2613945, 03-2613946. Fax: 2617826

**Pencetak:**

THE COMMERCIAL PRESS SDN. BHD.
No. 6, Jalan SR 4/18, Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.

M$2.50

M
324.2595D
AWA

539669

4 OCT. 1990
Perpustakaan Negara
Malaysia

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Kata pengantar | V |
| DAP bukan sekadar pembangkang | 1 |
| DAP mahu jumlah pengundi disamakan | 7 |
| DAP kutuk Tengku Razaleigh | 11 |
| DAP saman Tengku Razaleigh | 17 |
| Karpal Singh saman Sultan Selangor | 25 |
| ADUN DAP enggan angkat sumpah | 29 |
| DAP tolak Islam | 35 |
| Pelbagai bahasa dan kebudayaan | 41 |
| DAP sokong Universiti Merdeka | 45 |
| DAP pertahan pelajaran Cina | 49 |
| DAP tolak tulisan jawi | 55 |
| 5,000 berarak tentang DAP | 59 |
| DAP menentang DEB | 63 |
| DAP menentang Bumiputera | 73 |
| DAP mahu kekalkan pelarian Vietnam | 75 |
| Bukit Cina: DAP halang Kerajaan Melaka | 81 |
| Kesimpulan | 85 |

tiada harapan dalam bidang ekonomi, malah kuasa politik mereka juga akan tamat di bawah landasan satu konsep yang menguntungkan kaum yang sudah maju.

Namun begitu, ini tidak menyedarkan pemimpin-pemimpin Melayu termasuk yang pernah berada dalam *UMNO*, sehingga mereka sanggup menjalin kerjasama dengan *DAP* bagi menjatuhkan *Barisan Nasional*. Jatuhnya atau kurangnya kuasa kerajaan *UMNO*, bererti segala yang ada di dalam negara ini akan turut berubah dengan orang Melayulah mengalami kerugian yang paling besar.

Pemimpin-pemimpin *Semangat 46* itu sendiri juga akan menerima padah.

Maka di sini didedahkan sifat *DAP* yang sebenar, terbit daripada kata-kata dan tindakan pemimpinnya yang merupakan *'unrepentant chauvinists'* dan seratus peratus menentang kepentingan Melayu-Islam.

Kerjasama *Semangat 46* dijangka tidak akan mengubah matlamatnya untuk menubuhkan sebuah masyarakat 'sama rata' yang pada hakikat sebenarnya akan menguatkan kedudukan bukan Melayu di tanahair.

**Awang Bongsu**
Taman Keramat,
Kuala Lumpur
Mei, 1990

# DAP BUKAN SEKADAR PEMBANGKANG

*DAP* dikenali sebagai parti pembangkang yang cuba membetulkan kesilapan-kesilapan kerajaan. Tetapi bukan setakat itu. Tanda-tanda menunjukkan ia ingin berkuasa atau sekurang-kurangnya berkongsi kuasa dengan parti-parti lain, dengan dirinya memainkan peranan penting demi menjayakan beberapa matlamatnya.

Dengan kuasanya itu dan matlamatnya yang tidak berubah, ia lebih merbahaya daripada parti-parti bukan Melayu di dalam *Barisan Nasional* yang akur kepada dasar-dasar kerajaan.

Selama ini, *DAP* tidak senang dengan sebuah kerajaan yang berteraskan kepemimpinan Melayu, baik dalam politik atau dalam pentadbiran.

Ia selalu mendesak supaya pegawai-pegawai kerajaan terdiri dari pelbagai kaum, tidak khusus kepada orang-orang Melayu, kononnya jika berlaku kelemahan di dalam pentadbiran, pegawai-pegawai dari pelbagai kaum itu dapat

# DAP UMUM KABINET BAYANGAN

OLEH MAHANI OTHMAN

KUALA LUMPUR, 3 Februari – Nama En. Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP tercicir dari senarai Menteri Kabinet bayangan parti itu yang disusun selepas pilihanraya umum lalu.

Bagaimanapun nama pengerusi parti itu Dr. Chan Man Hin telah diberikan portfolio sebagai Menteri Kesihatan.

Senarai yang didapati oleh Watan dari Ibu Pejabat DAP di sini tidak mencatatkan nama Perdana Menteri dalam kabinet bayangan itu.

Adalah dipercayai jawatan itu dipegang oleh En. Lim Kit Siang sendiri yang juga menjadi Ketua Pembangkang sekarang.

[illegible] senarai itu terdapat nama 13 orang dari 1[illegible] anggota Parlimen DAP yang terpilih memegang berbagai portfolio.

Nama-nama dalam senarai itu adalah diduga [illegible]



*Lee Lam Thye*



*Fadzlan Yahaya, namanya tidak terpilih*



*P. Patto, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*

[illegible]kuan.

Senarai sepenuhnya adalah seperti berikut:-

Lee Lam Thye, MP Kuala Lumpur Bandar, Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

P. Patto, MP Menglembu - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Lim Cho Hock, MP Ipoh - Menteri Perusahaan Awam merangkap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Lee Kaw, MP Keluang - Menteri Kewangan merangkap Menteri Luar

Peter Dason, MP Bukit Bendera - Menteri Luar

Fung Ket Wing, MP Sandakan - Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merangkap Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak.

Chan Teck Chan, MP Kota Melaka - Menteri Pelajaran

Karpal Singh, MP Jelutong - Menteri Undang-undang dan Peguam Negara merangkap Menteri Pertahanan.

Ting Chek Ming, MP Bruas - Menteri Penerangan merangkap Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan - Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat merangkap Menteri Pengangkutan.

Wong Hong Koai, MP Tanjung - Menteri Pertanian merangkap Menteri Kerjaraya dan Kemudahan.

Seow Hung Khim, MP Bukit Mertajam - Menteri Kebajikan Am

Dr. Chan Man Hin, MP Seremban - Menteri Kesihatan

Nama Fadzlan Yahaya, Yusuf Bador dan Lazmi Rampak tidak termasuk dalam senarai itu.

Jurucakap Ibu Pejabat DAP menerangkan nama-nama yang dicatatkan itu [illegible] orang-orang yang [illegible]

Kabinet bayangan DAP

dikritik.

Di bawah ialah dua keratan akhbar mengenai cita-cita *DAP* itu, satu mengenai latihan untuk menjadi menteri dalam kabinet bayangan dan satu mengandungi kritikan terhadap pegawai-pegawai kerajaan.

*Watan*, 4 Februari 1979

**Kuala Lumpur, 3 Februari — Senarai yang didapati oleh *Watan* dari Ibu Pejabat *DAP* di sini tidak mencatatkan siapakah Perdana Menteri dalam kabinet bayangan itu.**

**Adalah dipercayai jawatan itu dipegang oleh Encik Lim Kit Siang sendiri yang juga menjadi Ketua Pembangkang sekarang.**

**Dalam senarai itu terdapat cuma 13 orang dari 16 anggota Parlimen *DAP* yang tercatit memegang berbagai portfolio.**

***Watan* difahamkan bahawa kabinet bayangan ini diadakan adalah untuk membolehkan setiap anggota Parlimen menjadi pakar dalam tiap-tiap portfolio dan ini memudahkan parti itu memahami masalah tiap-tiap kementerian.**

**Tiap-tiap orang yang memegang portfolio itu boleh menjadi jurucakap parti secara berkesan dalam bidang masing-masing.**

*Sunday Star*, 26 Ogos 1979

**Kuala Lumpur, Sabtu - Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang menyeru kepada Perdana Menteri Datuk Hussein Onn supaya 'mempelbagaikan kaum' ketua-**

ketua jabatan. Beliau berkata dengan cara ini, kritikan terhadap kelembapan jabatan-jabatan tidak akan dieksploitasi sebagai kritikan terhadap satu-satu kaum.

## DAP MAHU JUMLAH PENGUNDI DISAMAKAN

SURUHANJAYA Pilihanraya yang dibentuk menjelang kemerdekaan telah menetapkan bahawa jumlah pengundi bagi satu-satu kawasan luar bandar bolehlah sehingga setengah daripada jumlah pengundi bagi satu-satu kawasan bandar.

Dengan dasar ini, kawasan luar bandar mempunyai perwakilan yang lebih berbanding dengan penduduk bandar di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Nisbah perwakilan ini telah dipersetujui oleh semua kaum dalam perundingan untuk mencapai kemerdekaan.

Antara sebab-sebab memberi faedah lebih kepada kawasan luar bandar ialah keadaan kawasan itu yang terbiar dan penduduknya mundur, serta masalah perhubungan kerana keadaan kawasan yang luas.

Prinsip yang sama diamalkan di negara demokrasi tertentu seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Australia yang mana penduduk luar bandarnya diberi perwakilan

# Observe single vote principle call by DAP

KUANTAN, Mon. — The DAP has called on the Election Commission to strictly observe the "one man one vote" principle when re-delineating electoral constituencies in the present exercise to delimit electoral constituencies.

The call was made by DAP deputy secretary-general P. Patto at the DAP Raub by-election victory tea-party organised by the Kuantan DAP branch and held at the town hall here on Saturday night.

Mr Patto said the recently-concluded parliamentary sitting amended the Federal Constitution to increase the number of parliamentary seats from the present 154 seats to 176 seats with an increase of 18 seats in Peninsular Malaysia and four seats in Sabah.

"This 22-seat increase, which will come into effect in the general election in 1986/87 is certainly insufficient, taking into consideration the substantial increase in the electorate since the last delineation of electoral constituencies in 1974," he said.

"In 1974, there was a total of 4,012,962 voters in all the 154 parliamentary constituencies. However, in the 1982 general election, there were 6,044,221 voters in the same number of constituencies.

**Satu orang satu undi**

yang lebih sehingga 4 atau 5 kali ganda berbanding dengan penduduk bandar.

Tetapi, *DAP* sengaja mengungkit prinsip membentuk kawasan pilihanraya di Malaysia kerana penduduk luar bandar itu kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu dan orang Melayulah yang mendapat perwakilan terbanyak di Dewan-dewan perwakilan.

Di bawah ialah keratan akhbar *The New Straits Times* pada 30 Ogos 1983, yang menunjukkan sikap *DAP:*

**Kuantan, Isnin - DAP telah menyeru kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengikut dengan tegas prinsip-prinsip "satu orang satu undi" apabila membuat persempadanan semula bagi kawasan-kawasan pilihanraya yang sedang berlangsung sekarang.**

**Seruan itu dibuat oleh Timbalan Setiausaha Agung DAP, P. Patto di jamuan teh kerana meraikan kemenangan DAP dalam Pilihanraya Kecil Raub yang dianjurkan oleh DAP cawangan Kuantan.**

## DAP KUTUK TENGKU RAZALEIGH

*DAP* bukan sahaja tidak senang dengan perwakilan luar bandar yang lebih di Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri, tetapi juga ia mencemburui Suruhanjaya Pilihanraya yang pegawai-pegawainya terdiri daripada orang Melayu.

Ia menganggap Suruhanjaya ini tidak bebas kerana cenderung menerima cadangan-cadangan parti yang memerintah walau ia tidak mempunyai bukti-bukti yang sah mengenainya.

Kadang-kadang ucapan pemimpin-pemimpin *UMNO* sendiri yang memberi senjata kepada *DAP* untuk menuduh yang Suruhanjaya Pilihanraya tidak bebas.

Contoh yang nyata ialah kenyataan Tengku Razaleigh yang terlajak pada April 1979, mengandungi cadangannya untuk menambah kerusi-kerusi Parlimen di Kelantan. Oleh kerana beliau ialah seorang Naib Presiden *UMNO* ketika itu, boleh menimbulkan tanda tanya adakah *UMNO* mempunyai kuasa ke atas Suruhanjaya Pilihanraya dalam hal tersebut.

Di bawah ialah dua keratan akhbar *Watan* mengandungi

# DAP tak senang ucapan Ku Li

KUALA LUMPUR, 14 Mei – DAP hari ini ingin bertemu dengan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Datuk Kadir Talib untuk mendapatkan kepastian yang Suruhanjaya itu benar-benar bebas dan tidak terikat dengan arahan kerajaan berhubung dengan penentuan dalam rombakan kawasan pilihanraya Parlimen dan Dewan Negeri.

Setiausaha Agungnya, En. Lim Kit Siang dalam kenyataannya menegaskan, langkah yang diambil oleh DAP ini berikutan dengan kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah di Kelantan baru-baru ini bahawa dalam pilihanraya akan datang negeri itu akan mendapat pertambahan dua kawasan Parlimen dan enam kawasan Dewan Undangan Negeri.

Katanya, kenyataan Menteri Kewangan itu membayangkan betapa singkat pemikirannya terhadap kebebasan tanggungjawab yang di laksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Menurutnya, Tengku Razaleigh mungkin mempunyai alasan sendiri bagi mengeluarkan kenyataan itu tetapi bagi DAP dan parti-parti pembangkang lain merasakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan bebas selama ini baik dalam soal pilihanraya maupun menentukan kawasan pilihanraya.

Beliau menimbul soal yang berlaku dalam pilihanraya 1974 di mana menurutnya DAP mendapati penarikan semula perlembagaan dilakukan dengan begitu rupa yang membawa kebaikan kepada Barisan Nasional dan tidak kepada DAP

Ucapan Tengku Razaleigh tidak disenangi

wasan Parlimen dan enam kawasan Dewan Undangan Negeri.

Katanya, kenyataan Menteri Kewangan itu membayangkan betapa singkat pemikirannya terhadap kebebasan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Menurutnya, Tengku Razaleigh mungkin mempunyai alasan sendiri bagi mengeluarkan kenyataan itu tetapi bagi *DAP* dan parti-parti pembangkang lain merasakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak menjalankan tangungjawabnya dengan bebas selama ini baik dalam soal pilihanraya maupun menentukan kawasan pilihanraya.

# $600,000 grants for three Kota schools

PENANG, Sat. — Finance Minister Tengku Razaleigh Hamzah tonight gave an on-the-spot grant totalling $600,000 to three primary schools in the Pengkalan Kota constituency.

A record of over 1,500 people who turned up for the National Front ceremah at Presgrave Street gave him a standing ovation as he announced the grants.

Sum Min Primary School, now under construction, gets $450,000. The Beng Teik Primary School is given $50,000 and the Eng Chuan School $100,000.

Tengku Razaleigh was here with Housing Minister Datuk Neo Yee Pan and Deputy Finance Minister Datuk Mak Hon Kam to campaign for the National Front candidate in the by-election Mr Lim Kean Siew of the MCA.

Mr Lim faces Mr Teoh Teik Huat, the State Organising Secretary of the DAP and two other independents Mr Lim Ewe Chin and Mr Tan Kee Chye.

In giving the grants, Tengku Razaleigh said the National Front Government was committed to the uplifting of the living standard of the people.

He said the Pengkalan Kota voters should choose a person who is not only wise and experienced but who will be able to help bring development to the area.

"If the National Front win, I will personally give more money for the improvement of Pengkalan Kota.

"This is a National Front guarantee," he said.

Tengku Razaleigh said the Pengkalan Kota by-election was important as the DAP planned to capture the Penang State Government in 1983.

He said a win here would put an end to the DAP.

Tengku Razaleigh also told the people that it was useless to vote the independent candidates because they would be in no position to do anything to help develop the area or bring benefit to the people.

Datuk Dr Neo Yee Pan said the DAP was bent on breaking up Chinese unity and misleading the people.

He said when the MCA team campaigning in Pengkalan Kota saw the sad condition of some of the roads, he immediately ordered work to be carried out.

"The DAP condemns this repair work as an election stunt saying that we are doing it to catch votes.

"If we do it, they said it is because of election. But if we see it and do not repair it, they say we don't care enough for the people.

"What then are we to do," he asked.

Datuk Dr Neo said the MCA was sincere in its wish to upgrade the living conditions of Pengkalan Kota.

He appealed to voters to think carefully and choose a representative who could best serve them.

Earlier, in Teluk Anson, Tengku Razaleigh said elections through democratic process alone could not guarantee political stability and peace in the country.

"The lesson learned after the 1969 general election is a lesson that all Malaysians must remember," he said when opening a course for about 500 community leaders in the district.

**Tengku Razaleigh lulus $600.000 untuk 3 buah sekolah Cina**

## DAP SAMAN TENGKU RAZALEIGH

SESUAI dengan sifat kerasnya, *DAP* tanpa ragu-ragu menyaman pemimpin-pemimpin Melayu jika ia dapat memenuhi tujuan politiknya. Amat menghina orang-orang Melayu ialah perbuatannya menyeret Tengku Razaleigh Hamzah ke mahkamah berhubung dengan Pilihanraya Kecil Pengkalan Kota pada akhir tahun 1980.

*DAP* tidak puas hati dengan Tengku Razaleigh yang telah menjanjikan bantuan kepada tiga buah sekolah Cina sewaktu berkempen dalam pilihanraya kecil itu, menyebabkan *DAP* tewas beberapa ratus undi.

Di bawah ialah laporan-laporan akhbar berhubung dengan janji Tengku Razaleigh itu dan tindakan saman yang dibuat oleh *DAP* dan seterusnya pembicaraan ke atas Tengku Razaleigh. Sungguh dayus bagi *Semangat 46* menjalin persahabatan dengan parti itu.

*Sunday Times*, 9 November 1980

**Pulau Pinang, Sabtu - Menteri Kewangan malam ini memberi bantuan berjumlah $600,000 kepada tiga buah sekolah rendah Cina di dalam kawasan Pilihanraya**

كمناڠن باريسن دڤمكالن كوت

# ديڤ جاڠن سڠاج منچاري فصل – رزالي

كوالا لمڤور 25 نوومبر – تڠكو رزالي حمزه هاري اين ممبريتاهو ديڤ سڤاي بلاجر منريما ككالهن دان جاڠن سڠاج هندق منچاري فصل بيلا باريسن ناشيونل مناڠي سواة ڤيليهنراي ترماسوق ڤيليهنراي كچيل ڤڠكالن كوت بارو٢ اين.

كنان، مريك هندقله ممڤلاجري دري سكارڠ كران كادڠ اكن برنسبه بوروق دالم ڤيليهنراي 1981 نانتي.

منتري كاواڠن ايت منمبه، دتوان ا. كارڤل سيڠ اديڤ – جلوڠ بهوا باريسن ناشيونل منڠكوناكن واڠ اسوق مناڠي ڤيليهنراي كچيل ڤڠكالن كوت اداله لنار دان تيدق براساس ساماسكالي

بلو منجلسكن، ڤراوسوڤش $800,000 يڠ دلولسكن اكوي تيڠك بواه سكوله دالم كاواسن ڤيليهنراي ايت اداله دري ڤراوسوڤش ڤروجيق؟

كچيل دماوه حساني مردان منتري.

تڠكو رزالي برچاکڤ كڤد ڤارا ڤمبريتا دالم ساتو سيدڠ اخبار دباڠونن ڤارليمن سلڤس دتوان رعية منولق ڤرجواڤن ا. كارڤل سيڠ اسوق منڠكوهكن دتوان ماكن منچمكن ڤركارا ترسبوت.

كنان، كمناڠن باريسن ناشيونل دڤمكالن كوت بوكنله كران $400,000 يڠ دبريكن اسوق رنچاڠن ڤمباڠونن دكاواسن ايت. سباليقڽ كران ڤندودق سوده بوسن دڠن كادان مريك يڠ تيدق برنسبه ماجو.

حك كامي منتفو سفرت يڠ دتوده اوله ديف. كامي تيدق اکن دڤنله اسوق مواكيلي رعية.''

نکسن. [illegible]

دالم [illegible] اخبار ايت يڠ دحاضري [illegible] عم سي ايه.. داتوء لي [illegible] حون. تڠكو رزالي منجلسكن: ڤراوسوڤش $400,000 ايت اداله ڤركارا بياسا يڠ دبريكن اسوق منجلڠ ڤيليهنراي ڤرجوڠ؟

DAP jangan sengaja mencari pasal

Pengkalan Kota.

Tengku Razaleigh berada di sini kerana berkempen untuk calon *Barisan Nasional*, Encik Lim Kean Siew. Encik Lim menghadapi Encik Teoh Teck Huat, Setiausaha Organisasi *DAP* Negeri dan dua orang calon bebas.

"Jika Barisan Nasional menang, saya sendiri akan memberi lebih banyak wang bagi memperbaiki kawasan Pengkalan Kota. Ini ialah jaminan *Barisan Nasional*," katanya.

*Utusan Melayu*, 28 November 1980

Kuala Lumpur, 25 November—Tengku Razaleigh Hamzah hari ini memberitahu *DAP* supaya belajar menerima kekalahan dan jangan sengaja hendak mencari pasal bila *Barisan Nasional* memenangi sesuatu pilihanraya termasuk pilihanraya kecil Pengkalan Kota baru-baru ini.

Katanya, mereka hendaklah mempelajari dari sekarang kerana keadaan akan bertambah buruk dalam pilihanraya 1982 nanti.

Menteri Kewangan itu menambah, dakwaan Encik Karpal Singh (*DAP*-Jelutong) bahawa *Barisan Nasional* menggunakan wang untuk memenangi pilihanraya kecil Pengkalan Kota adalah liar dan tidak berasas sama sekali.

Beliau menjelaskan peruntukan $600,000 yang diluluskannya untuk tiga buah sekolah dalam kawasan pilihanraya itu adalah dari peruntukan projek-projek kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri.

*The Star*, 26 November, 1980

Kuala Lumpur, Selasa — Menteri Kewangan Tengku

# GO BACK TO SCHOOL RAZALEIGH TELLS DAP

[redacted]KUALA LUMPUR, Tues. – Finance Minister Tengku Razaleigh Hamzah said today the DAP "should go back to school and study [redacted]rammar and the English [redacted]nguage."

[redacted]"They have taken certain of my statements and twisted them because they [redacted]on't seem to understand [redacted]nglish and because they [redacted]ways mislead the people," he said.

"And today they at[redacted]empted to mislead the De[redacted]an Rakyat — the highest [redacted]dy in the country."

Tengku Razaleigh was speaking at a press conference ... in Parliament [redacted]ouse. Also present were [redacted]CA president Datuk Lee San Choon and vice-president Datuk Dr Neo Yee Pan.

[redacted]Earlier, in the Dewan [redacted]kyat, Speaker Tan Sri Syed Nasir Ismail rejected motion by Mr Karpal Singh (DAP-Jelutong) ask[redacted] for leave to table a mo[redacted]n on two statements [redacted]de by Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh called the press conference to comment on reports that the DAP had lodged a police report against him for certain statements made by him during the campaign in the Pengkalan Kota by-election.

The DAP alleged that Tengku Razaleigh had contravened the Elections Offences Act, 1954, by inducing voters to vote for the Barisan through corrupt means, and that he had said: "If the Barisan wins, I personally will give more money for the improvement of Pengkalan Kota."

## PLEDGE

Tengku Razaleigh, who is also an Umno vice-president, said today that his pledge of $600,000 to three Chinese schools during the campaign was "very legal" and the money came from the Minor Works Allocation in the Prime Minister's Department.

He challenged the DAP: "If they, as they claim, are championing Chinese education, why are they talking like this?

"They must examine themselves. Here is the Government giving money for Chinese education and they are condemning it."

The Finance Minister said that when he had said "I" in pledging more money, he meant "I as the Finance Minister on behalf of the Government and not I as Tengku Razaleigh."

"Even when I present the Budget in Parliament, I used the pronoun 'I' and everybody knows I mean it as 'I', the Finance Minister."

"The DAP should go back to school and study grammar and English," he said.

Tengku Razaleigh said that when Barisan Nasional Ministers pledged to carry out projects, they pledged them as Ministers representing the Government.

"We have been through many elections. As I understand it, the Election Offences Act only forbids the giving of money direc-

**Balik belajar semula - kata Tengku Razaleigh kepada DAP**

Razaleigh Hamzah berkata: "*DAP* hendaklah masuk sekolah semula dan belajar nahu bahasa Inggeris."

"Mereka telah mengambil kenyataan-kenyataan saya yang tertentu dan memutarbelitkannya oleh kerana mereka nampaknya tak faham bahasa Inggeris dan kerana mereka mahu mengelirukan orang ramai. Dan hari ini mereka cuba mengelirukan Dewan Rakyat, katanya."

Tengku Razaleigh membuat kenyataan ini dalam satu sidang akhbar di bangunan Parlimen. Sebelumnya, Speaker Dewan Rakyat telah menolak satu percubaan oleh Encik Karpal Singh (*DAP*-Jelutong) untuk menangguhkan Dewan bagi membincangkan dua kenyataan oleh Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh memanggil sidang akhbar itu bagi mengulas laporan-laporan bahawa *DAP* telah mengemukakan laporan polis terhadapnya kerana kenyataan-kenyataan tertentu yang dibuat olehnya sewaktu berkempen dalam pilihanraya kecil Pengkalan Kota.

*DAP* menuduh bahawa Tengku Razaleigh telah melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954, kerana mempengaruhi pengundi-pengundi untuk mengundi *Barisan Nasional* melalui cara-cara yang korup, dan beliau telah berkata: "Jika *Barisan Nasioanal* menang, saya sendiri akan memberi lebih banyak wang bagi memperbaiki kawasan Pengkalan Kota.

## KARPAL SINGH SAMAN SULTAN SELANGOR

PUNCAK penghinaan *DAP* terhadap pemimpin-pemimpin Melayu dan juga Raja ialah apabila Timbalan Pengerusi parti itu yang juga seorang peguam, Encik Karpal Singh menyaman DYMM Sultan Selangor pada 25 Ogos 1979, berhubung dengan kenyataan baginda bahawa baginda tidak akan mengampun pesalah-pesalah yang dihukum mati kerana mengedar dadah.

Kenyataan baginda terbit dari keluhuran hati semata-mata kerana bimbang melihat masyarakat diporak-peranda oleh pengedar-pengedar dadah yang mencari keuntungan.

Baginda tidak terfikir yang baginda tiada berhak membuat kenyataan terbuka mengenainya tanpa merujuk kepada nasihat daripada Lembaga Pengampunan Negeri terlebih dahulu dalam hal yang berkenaan.

Tetapi tindakan Encik Karpal Singh walaupun betul dari segi undang-undang adalah tanda *DAP* sangat kasar dan langsung tidak menjaga hati orang-orang Melayu sehingga

# Karpal Singh saman Sultan Selangor

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Peguam Karpal Singh hari ini menyaman Sultan Selangor Darul Ehsan berhubung kenyataan bahawa baginda tidak akan mengampunkan pesalah yang dihukum mati kerana mengedar dadah.

Encik Karpal Singh yang juga ahli Parlimen Jelutong mengemukakan saman tersebut di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini.

Saman tersebut disokong oleh afidavit beliau sendiri.

Encik Karpal Singh menuntut perisytiharan dan pengesahan mahkamah bahawa kenyataan umum yang dibuat oleh Sultan Selangor Darul Ehsan pada 26 Julai lalu itu adalah bertentangan dengan perlembagaan.

Afidavit Encik Karpal menyebut bahawa Sultan Selangor hanya boleh menolak permohonan untuk mendapatkan pengampunan itu setelah meneliti dan menimbangkan nasihat daripada Lembaga Pengampunan Selangor Darul Ehsan.

Peguam itu mendakwa bahawa kenyataan tersebut terkandung dalam ucapan baginda ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Bekas Perajurit cawangan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Beliau menjelaskan bahawa sehingga ini pihak defendan (Sultan Selangor) belum menafikan kenyataan baginda.

Encik Karpal selanjutnya menambah, soal pengampunan diperuntukkan oleh Fasal 42 Perlembagaan Persekutuan di mana Fasal 42 (1) memberi kuasa kepada Sultan Selangor Darul Ehsan untuk memberi pengampunan, penangguhan hukuman dan memberi tempoh bagi kesalahan - kesalahan yang dilakukan di negeri itu termasuk kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori.

"Fasal 42(8) pula menyebut bahawa Lembaga Pengampunan Selangor Darul Ehsan akan bermesyuarat dengan kehadiran Sultan Selangor di mana lembaga itu akan mengemukakan nasihatnya sebelum Sultan membuat sebarang keputusan setelah mengambilkira nasihat - nasihat tersebut," tegas beliau.

Peguam itu dalam afidavitnya mendakwa, dengan membuat kenyataan terbuka begitu, defendan seolah - olah membayangkan bahawa baginda telahpun membuat keputusannya terhadap sebarang permohonan untuk mendapatkan pengampunan.

"Ini bermakna seseorang itu dihalang daripada mendapat hak keperlembagaannya bagi menentukan rayuan pengampunannya mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada defendan," katanya.

**Karpal Singh saman Sultan Selangor**

seorang raja Melayu mahu diseretnya ke mahkamah.

Di bawah ialah keratan akhbar *Utusan Malaysia* pada 26 Ogos 1979 berhubung dengan perkara berkenaan:

**Kuala Lumpur, 25 Ogos - Peguam Karpal Singh hari ini menyaman Sultan Selangor Darul Ehsan berhubung kenyataan baginda tidak akan mengampun pesalah yang dihukum mati kerana mengedar dadah.**

**Encik Karpal Singh yang juga ahli Parlimen Jelutong mengemukakan saman tersebut di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini. Saman tersebut disokong oleh afidavit beliau sendiri.**

**Encik Karpal Singh menuntut perisytiharan dan pengesahan mahkamah bahawa kenyataan umum yang dibuat oleh Sultan Selangor Darul Ehsan pada 26 Julai lalu itu adalah bertentangan dengan perlembagaan.**

**Afidavit Encik Karpal menyebut bahawa Sultan Selangor hanya boleh menolak permohonan untuk mendapatkan pengampunan itu setelah meneliti dan menimbangkan nasihat daripada Lembaga Pengampunan Selangor Darul Ehsan. Peguam itu mendakwa bahawa kenyataan tersebut terkandung dalam ucapan baginda ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Bekas Perajurit cawangan Negeri Selangor Darul Ehsan.**

**Beliau menjelaskan bahawa sehingga ini pihak defendan (Sultan Selangor) belum menafikan kenyataan baginda. Encik Karpal selanjutnya menambah, soal pengampunan diperuntukan oleh Fasal 42 Perlembagaan Persekutuan di mana Fasal 42 (1) memberi kuasa kepada Sultan Sela-**

ngor Darul Ehsan untuk memberi pengampunan, penangguhan hukuman dan memberi tempoh bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di negeri itu termasuk kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori.

"Fasal 42(8) pula menyebut bahawa Lembaga Pengampunan Selangor Darul Ehsan akan bermesyuarat dengan kehadiran Sultan Selangor di mana Lembaga itu akan mengemukakan nasihatnya sebelum Sultan membuat sebarang keputusan setelah mengambilkira nasihat-nasihat tersebut," tegas beliau.

Peguam itu dalam afidavitnya mendakwa, dengan membuat kenyataan terbuka begitu, defendan seolah-olah membayangkan bahawa baginda telahpun membuat keputusannya terhadap sebarang permohonan untuk mendapatkan pengampunan.

"Ini bermakna seseorang itu dihalang daripada mendapat hak keperlembagaannya bagi menentukan rayuan pengampunannya mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada defendan," katanya.

## ADUN DAP ENGGAN ANGKAT SUMPAH

TABIAT biadab pemimpin-pemimpin *DAP* yang tidak mengenali tatasusila dan undang-undang tradisi Melayu yang menjadi ciri penting dalam pemerintahan negeri-negeri terserlah lagi dengan perbuatan 6 orang ahli *DAP* yang terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dalam pilihanraya 1978 enggan membaca ikrar taat setia kapada Sultan. Ia menunjukkan sikap bongkak *DAP* sengaja tidak mahu menghormati institusi Melayu, seolah-olah perbuatan itu akan merendahkan kedudukan mereka.

Kejadian ini telah telah membangkitkan kemarahan DYMM Sultan Perak dan seluruh orang Melayu yang mendengar berita itu. Belum berkuasa lagi *DAP* telah menunjukkan belangnya. Apatah lagi kalau kuasa sudah di tangan.

Di bawah ini ialah keratan akhbar *Berita Minggu* pada pada 6 Ogos 1978 berhubung dengan keengganan ADUN *DAP* untuk membaca ikrar taat setia:

**Bukit Maxwell, Sabtu - Sultan Perak hari ini bertitah, enam ahli Dewan Undangan Negeri dari DAP yang enggan**

**Sultan: Awak derhaka**

# SULTAN: AWAK DERHAKA

**BUKIT MAXWELL, Sabtu**

SULTAN Perak hari ini bertitah, enam ahli Dewan Undangan Negeri dari DAP yang enggan membaca ikrar taat setia kepada Baginda semalam telah menderhaka mengikut adat-resam Orang-orang Melayu.

Baginda kemudian menyebut satu pepatah Melayu berbunyi: "Di mana bukit dipijak di situ langit dijunjung".

"Menurut undang-undang tradisi Melayu yang wujud di negeri ini sejak zaman dahulu lagi, sesiapa yang menetap di sini hendaklah mengaku taat setia kepada ketua negeri.

"Walau di manapun awak tinggal, awak hendaklah mengaku taat setia kepada orang yang memerintah negeri, jika tidak menurut adat Melayu, awak telah menderhaka.

"Jika awak tinggal di mana-mana negara, awak tidak boleh berkata yang awak tidak mahu mengaku taat setia kepada ketua negara itu. Awak akan dihumban keluar," titah Baginda lagi.

Baginda kemudian menambah Baginda akan memanggil Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri untuk membincangkan perkara itu dari segi perundangan serta perlembagaan negeri sebelum mengeluarkan sebarang ulasan.

Mengenai kemungkinan meminda perlembagaan Negeri Perak untuk membolehkan hanya anak-anak negeri itu sahaja yang boleh menjadi ahli Dewan Negeri, Sultan Perak bertitah, Baginda akan menyerahkan perkara itu kepada Dewan Undangan Negeri menentukannya.

Baginda memberi amaran, sejarah hitam peristiwa 1969 tidak harus dibenarkan berlaku lagi dan perkara-perkara sensitif mestilah dipandang berat oleh semua golongan.

Enam ahli Dewan Undangan Negeri dari DAP itu tidak mahu membaca ikrar taat setia ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak apabila mereka melakukan upacara mengangkat sumpah dalam Dewan Undangan Negeri di Ipoh semalam.

Mereka — Encik Lim Cho Hock (Kepayang), Encik P. Patto (Gopeng), Encik Tee Ah Kow (Pasir Bedamar), Encik Lim Nyit Sin (Kuala Pari), Encik Young Heow Choo (Pantai Remis) dan Encik Lee Kok Hoi (Kampar) — hanya berikrar untuk berkhidmat sebagai wakil rakyat, mengaku taat setia kepada negeri dan negara dan menjunjung perlembagaan negeri.

Encik Lim Cho Hock, Pengerusi DAP Perak mendakwa beliau bukan anak negeri Perak dan menurutnya, di bawah Seksyen 4 (1) Perlembagaan Negeri beliau boleh dikecualikan dari mengaku taat setia ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

membaca ikrar taat setia kepada baginda semalam telah menderhaka mengikut adat resam orang-orang Melayu.

Baginda kemudian menyebut satu pepatah Melayu berbunyi: "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung". Menurut undang-undang tradisi Melayu yang wujud di negeri ini sejak zaman dahulu lagi, sesiapa yang menetap di sini hendaklah mengaku taat setia kepada ketua negeri.

"Walau di manapun awak tinggal, awak hendaklah mengaku taat setia kepada orang yang memerintah negeri, jika tidak menurut adat Melayu, awak telah menderhaka. Jika awak tinggal di mana-mana negara, awak tidak boleh berkata yang awak tidak mahu mengaku taat setia kepada ketua negera itu. Awak akan dihumban keluar," titah baginda lagi.

Baginda kemudian menambah, baginda akan memanggil Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negari dan Penasihat Undang-undang Negeri untuk membincangkan perkara itu dari segi perundangan serta Perlembagaan Negari sebelum mengeluarkan sebarang ulasan.

Mengenai kemungkinan meminda Perlembagaan Negeri Perak untuk membolehkan hanya anak-anak negeri itu sahaja yang boleh menjadi Ahli Dewan Negeri, Sultan Perak bertitah, baginda akan menyerahkan perkara itu kepada Dewan Undangan Negeri menentukannya.

Baginda memberi amaran, sejarah hitam peristiwa 1969 tidak harus dibenarkan berlaku lagi dan perkara-perkara sinsitif mestilah dipandang berat oleh semua golongan.

Enam Ahli Dewan Undangan Negeri dari *DAP* itu tidak

mahu membaca ikrar taat setia ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak apabila mereka melakukan upacara mengangkat sumpah dalam Dewan Undangan Negeri di Ipoh semalam.

Mereka — Encik Lim Cho Kaw (Kepayang), Encik P. Patto (Gopeng), Encik Tee Ah Kaw (Pasir Berdamar), Encik Lim Nyit Sin (Kuala Pari), Encik Young Heow Choo (Pantai Remis) dan Encik Lee Kok Hoi (Kampar) — hanya berikrar untuk berkhidmat.

Encik Lim Cho Hock, Pengerusi *DAP* Perak mendakwa beliau bukan anak negeri Perak dan menurutnya, di bawah Seksyen 47(1) Perlembagaan Negeri, beliau boleh dikecualikan dari mengaku taat setia ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

## DAP TOLAK ISLAM

Pemimpin-pemimpin *DAP* telah mengeluarkan banyak kenyataan-kenyataan yang secara terang-terang menentang pelaksanaan Islam di negera ini.

Sebaliknya mereka itu mahukan '*Malaysian Malaysia*' yang dikatakan lebih sesuai dengan penduduk yang berbilang kaum.

*DAP* juga tidak bersetuju dengan usaha kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat negara ini kerana bertentangan dengan konsep berbilang agama dan kebudayaan.

Dengan itu, adalah tidak wajar orang-orang Melayu dan umat Islam seluruhnya menyokong *DAP* atau bekerjasama dengannya kerana ia menentang segala unsur-unsur yang berbentuk Islam.

Di bawah ialah keratan-keratan akhbar mengandungi kenyataan para pemimpin *DAP* berhubung dengan penubuhan negara Islam:

*Mingguan Kota*, 31 Disember 1989

# NEGARA ISLAM: DAP TETAP TAK SETUJU DENGAN PAS

KUALA LUMPUR : DAP membantah keras hasrat PAS untuk menubuhkan negara Islam dan tetap mendesak agar PAS melupakan hasratnya itu.

Timbalan Pengerusi DAP Pusat, Encik Karpal Singh mengulangi ketegasannya agar PAS mengubah pendirian dan desakan ini berdasarkan kepada perlembagaan negara yang ada.

"Kita sukar nak terima hasrat PAS itu kerana Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa saya rasa matlamat negara Islam amatlah tidak sesuai," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jelutong berkata, DAP tidak akan berlembut dalam hal ini dan terpulanglah kepada PAS menentukan pendiriannya.

"Yang pasti DAP menentang hasrat tersebut. Kita tak mahu ada sekatan kepada agama-agama lain," katanya.

Menyentuh tentang hubungan baik DAP dan Semangat 46, Encik Karpal menjelaskan, semuanya berjalan dengan lancar dan kerjasama yang dimeterikan adalah bukan berbentuk sementara tetapi kekal hingga ke mati.

"Kita akan terus bekerjasama dengan Semangat 46 dan kerjasama ini akan dijaga sebaik mungkin. Adalah menjadi satu harapan dan nasib yang cerah untuk DAP dan Semangat 46 merampas kerajaan yang ada."

"Saya yakin parti pembangkang akan bertambah padu dan merupakan alternatif kepada BN," ujarnya ketika dihubungi.

Encik Karpal tidak menolak kenyataan bahawa adanya PAS bersama parti Semangat 46 menimbulkan masalah atas pendirian parti Islam itu.

"Bagaimanapun kita masih berharap dan terpulang lah kepada PAS untuk menentukan pendiriannya. Apapun alasan DAP tetap tidak bersetuju dengan konsep negara Islam dan lanya tak sesuai," katanya.

Dalam pada itu juga, Encik Karpal mengakui partinya akan dapat merampas Pulau Pinang dalam pilihanraya umum kelak. Menurutnya, DAP kini telah menjalankan strategi yang teratur bagi memenuhi cita-cita tersebut.

"Kita yakin akan dapat membuahkan hasil kelak. Semangat Tanjung II akan berjaya merampas Pulau Pinang dari BN. Banyak kawasan yang menjadi perhatian kita malahan kejatuhan Pulau Pinang ke tangan DAP adalah cerah."

## PENDIRIAN

"Bagaimanapun saya tidak dapat menamakan kawasan-kawasan yang akan kita rampas kelak apatah lagi dengan adanya kerjasama dari Semangat 46," katanya.

Sementara itu Ketua Penerangan PAS Pusat, Haji Subky Latif menjelaskan, PAS tidak akan tunduk dengan mana-mana desakan dan terus berusaha untuk menubuhkan negara Islam.

"Inilah matlamat kita sebagai parti Islam. Walaupun ada desakan umpamanya dari DAP tak mungkin PAS akan tunduk," ujarnya.

Haji Subky juga mengakui pihaknya telah menyerahkan segala tanggungjawab kepada pucuk pimpinan PAS Pusat untuk menyatakan pendirian tentang kerjasama 46 dan DAP seperti mana yang dibuat baru-baru ini.

"Tentang itu kita serahkan kepada jemaah pemimpin PAS Pusat untuk mengatasinya. Apapun alasan saya yakin-lanya akan beres kelak," katanya.

Sementara itu Bendahari Agung PAS, Ustaz Mustapha Ali mengingatkan Encik Karpal Singh supaya jangan cuba untuk mengajar pemimpin-pemimpin Islam tentang konsep negara Islam kerana beliau tidak berhak membicarakannya.

"Siapakah Encik Karpal yang cuba untuk mengajar kita. Apakah tiket beliau untuk bercakap tentang negara Islam sepertimana yang dicita-citakan oleh PAS," ujarnya ketika dihubungi.

Ustaz Mustapha mengulangi pendirian PAS bahawa DAP tidak perlu mendesak kerana apa yang dilakukan oleh PAS tetap akan diteruskan.

"PAS tetap akan meneruskan cita-cita mewujudkan negara Islam. Inilah pendirian PAS dan untuk itu DAP tak payah susah-susah," katanya.

Negara Islam: DAP tak setuju dengan Pas

Kuala Lumpur - DAP membantah keras hasrat Pas untuk menubuhkan negara Islam dan tetap mendesak agar Pas melupakan hasratnya itu.

Timbalan Pengerusi *DAP* Pusat, Encik Karpal Singh mengulangi ketegasannya agar Pas mengubah pendirian dan desakan ini berdasarkan kepada perlembagaan negara yang ada.

Kita sukar nak terima hasrat *Pas* itu kerana Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa saya rasa matlamat negara Islam amatlah tidak sesuai, katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jelutong berkata: "*DAP* tidak akan berlembut dalam hal ini dan terpulanglah kepada *Pas* menentukan pendiriannya. Yang pasti *DAP* menentang hasrat tersebut. Kita tidak mahu ada sekatan kepada agama-agama lain," katanya.

*Mingguan Politik*, 4 Oktober 1989

Sungai Besi — Parti *DAP* Bahagian Wilayah Persekutuan masih tetap dengan pendiriannya untuk tidak menyokong hasrat Angkatan Perpaduan Ummah (*APU*) untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam jika memenangi pilihanraya umum akan datang.

Setiausahanya, Encik Tan Kok Wai menegaskan, jika hasrat itu hendak diteruskan, bermakna ianya sudah jelas bertentangan dengan dasar *DAP*.

Beliau menjelaskan, oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai keturunan,

# DAP TETAP TOLAK NEGARA ISLAM

SUNGAI BESI: Parti DAP Bahagian Wilayah Persekutuan masih tetap dengan pendiriannya untuk tidak menyokong hasrat Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam jika memenangi pilihanraya umum akan datang.

Setiausahanya, Encik Tan Kok Wai menegaskan, jika hasrat itu hendak diteruskan, bermakna ianya sudah jelas bertentangan dengan dasar DAP.

"Kami menghormati Islam sebagai ugama rasmi negara ini, tetapi jika Angkatan berhasrat untuk menjadikannya sebagai negara Islam, kita tidak menerimanya," ujarnya kepada Mingguan POLITIK di sini baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai keturunan, adat resam dan agama, konsep 'Malaysia Malaysian' yang diperjuangkan oleh DAP selama ini adalah lebih sesuai untuk diamalkan.

Masalah kerjasama DAP dengan Angkatan, khususnya PAS berhubung dengan pembentukan sebuah negara Islam seperti yang dicita-citakan oleh PAS menjadi isu kontroversi menjelang pilihanraya umum akan datang.



**ENCIK LEE LAM THYE**

Encik Tan yang juga Ahli Parlimen Sungai Besi menjelaskan, kenyataan Setiausaha Agong DAP, Encik Lee Lam Thye berhubung denan negara Islam adalah pandangan secara peribadi.

"Kami berpendapat kenyataan itu dibuat oleh Encik Lee secara individu dan bukannya mewakili organisasi parti dan kenyataan itu juga memberi tafsiran berlainan kepada kalangan tertentu," jelasnya lagi.

**DAP tetap tolak negara Islam**

**adat resam dan agama, konsep 'Malaysian Malaysia' yang diperjuangkan oleh *DAP* selama ini adalah lebih sesuai untuk diamalkan.**

## PELBAGAI BAHASA DAN KEBUDAYAAN

ANTARA persetujuan yang dicapai antara kaum menjelang kemerdekaan ialah penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, meletakkannya di tempat yang utama dalam negara ini.

Ia menjadi bahasa rasmi dalam segala urusan kerajaan dan digunakan sebagai bahasa penghantar di sekolah-sekolah hingga ke universiti.

Demikian juga kebudayaan Melayu sudah diterima oleh kerajaan sebagai teras kebudayaan kebangsaan, selain daripada Islam dan unsur-unsur yang sesuai dari kebudayaan-kebudayaan lain.

*DAP* tidak setuju dengan dasar-dasar ini kerana menonjolkan unsur-unsur Melayu dan Islam.

Sebab itulah ia menentang dengan sekuat-kuatnya pelaksanaan dasar tersebut.

Di bawah ialah keratan akhbar *Sunday Star* pada 31 Oktober 1982 yang melaporkan *DAP* untuk menubuhkan

# Kit Siang – proposes 'many languages, many cultures' movement

PETALING JAYA, Sat. — DAP MPs and State Assemblymen must be the "pillars" of the movement for a Malaysia of "many languages, many cultures" so that any attempt to impose a "one language, one culture" policy would be abandoned, the party's secretary-general, Mr Lim Kit Siang, said.

Mr Lim, who is also the Parliamentary Opposition Leader, took the Government to task for its announced policy of establishing a Malaysia with "one citizenry, one language and one culture".

"The 1980s would be a very crucial decade in determining whether the multi-racial, multi-cultural, multi-lingual and multi-religious basis of Malaysia holds or is shattered," Mr Lim said at a dinner of DAP MPs and State Assemblymen.

He said that only the DAP stood up in Parliament to speak against the policy of "one language, one culture" and held high the "flag for a Malaysia of many languages, many cultures . . . ."

Mr Lim said that recent developments had shown a growing Islamisation in the country and that the upheavals in PAS, leading to the resignation of Datuk Asri Muda as PAS president, was another indicator of this trend.

Kit Siang: Pelbagai bahasa dan kebudayaan

gerakan 'Pelbagai Bahasa dan Kebudayaan':

**Petaling Jaya, Sabtu — Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri *DAP* hendaklah menjadi tunggak pergerakan pelbagai bahasa dan kebudayaan di Malaysia supaya dasar 'Satu Bahasa dan Satu Kebudayaan' dihentikan, kata Setiausaha Agung Encik Lim Kit Siang.**

**Encik Lim membidas kerajaan kerana mengumumkan dasar menjadikan Malaysia 'Satu Bangsa, Satu Bahasa dan Satu Kebudayaan.'**

**Beliau berkata hanya *DAP* yang berdiri di Parlimen untuk menentang 'Satu Bahasa, Satu Kebudayaan' dan menyanjung tinggi 'bendera bagi satu Malaysia' dengan berbagai bahasa dan kebudayaan. Encik Lim berkata perkembangan-perkembangan terbaru menunjukkan Islamisasi yang kian bertambah di negara ini.**

**Sesuai dengan sikapnya ini, *DAP* tidak menyokong Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober 1989 bertujuan menggunakan bahasa Malaysia dalam perbicaraan di Mahkamah.**

**Ini menunjukkan DAP masih ragu-ragu untuk menerima penggunaan bahasa Malaysia baik dalam apa bidang sekalipun. Ia mendakwa bahawa Rang Undang-undang itu adalah semata-mata untuk menarik perhatian orang-orang Melayu. (Lihat New Straits Times, 21 Oktober 1989).**

# DAP SOKONG UNIVERSITI MERDEKA

SELARAS dengan dasarnya yang terus berjuang untuk kepentingan orang Cina, *DAP* menyokong penuh malah berkempen bagi pihak sekumpulan pendidik-pendidik Cina yang berusaha menubuhkan Universiti Merdeka yang akan menggunakan pengantar bahasa Cina sebahagian besarnya.

Projek ini telah diura-urakan sejak tahun 1986 lagi dengan penubuhan Syarikat Universiti Merdeka Berhad yang dipengerusikan oleh Encik Lim Fong Seng.

Menurut Encik Lim, beliau mendapat sokongan dari lebih 4,000 persatuan dan pertubuhan berbagai lapangan orang Cina di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Kerajaan telah menolak penubuhan Universiti itu pada 25 Januari 1979 atas alasannya ianya bercanggah dengan dasar pelajaran nasional dan kepentingan negara. Syarikat Encik Lim menyaman kerajaan pada Okotober 1981 tetapi tidak berjaya kerana kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan menolak saman itu.

Kit Siang kena 'boo' bila usul ditarik balik

# U. MERDEKA ALAT POLITIK DAP — DR. M

KUALA LUMPUR:

PARTI Tindakan Demokratik (DAP) telah menarik balik usul untuk membahaskan issue Universiti Merdeka di Dewan Rakyat hingga ke suatu masa lain selepas para peguam pihak penganjur Universiti Merdeka menamatkan perbincangan dengan Queen Council di London.

Perbincangan itu berkisar di sekitar dakwaan pihak penganjur yang merasakan penolakan kerajaan terhadap permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka tidak berperlembagaan.

Setiausaha Agungnya, Encik Lim Kit Siang mengumumkan keputusan partinya dalam Sidang Dewan Rakyat semalam sehingga berlakunya pertelagahan dengan penyokong-penyokong kerajaan dan berakhir dengan semua anggota DAP meninggalkan Dewan.

Sebaik sahaja Ketua Pembangkang itu selesai membuat pengumuman tersebut, Dewan Rakyat telah menjadi riuh dan bergema dengan perkataan "boo" dan penyokong-penyokong kerajaan yang telah pun bersiap sedia menentang usul tersebut.

Dewan Rakyat penuh sesak dengan para pemerhati termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Suhaila dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah untuk mendengar perbahasan tetapi hampa kerana di saat akhir Encik Lim menarik balik usulnya.

Apa yang lebih memalukan lagi ialah sikap salah seorang anggota DAP dari Menglembu, P. Patto yang telah menunjukkan isyarat ampu (3 jari ke atas) kepada penyokong-penyokong kerajaan. dari mula dia bangun sehingga ke pintu Dewan.

Suasana di Dewan Rakyat menjadi lebih hangat lagi dengan kemarahan penyokong kerajaan dan terdengar juga suara yang lantang mengatakan: "Keluar, keluar."

Sebelum kejadian tersebut berlaku Encik Lim Kit Siang memberitahu Dewan bahawa beliau terpaksa menarik balik usul yang telah dikemukakan buat sementara waktu kerana pada masa ini para peguam pihak penganjur sedang berbincang dengan Queen Council di London.

Katanya, perbincangan diadakan antara peguam pihak penganjur Universiti Merdeka dengan QC atas berhubung dengan penolakan kerajaan Malaysia yang tidak berperlembagaan terhadap penubuhan Universiti Merdeka.

"Oleh kerana mereka berada dalam proses undang-undang, Dr. Chen Man Hin dan saya memutuskan untuk menarik balik usul buat sementara supaya tidak menimbulkan sebarang proses undang-undang," katanya.

Beliau bagaimanapun memberitahu usul Universiti Merdeka tidak akan diketepikan langsung oleh DAP kerana ianya hanya ditangguhkan buat sementara waktu sahaja.

Kit Siang kena boo...

Peranan *DAP* yang nyata dalam isu ini ialah membawa usul untuk membahaskan Universiti Merdeka di Dewan Rakyat pada akhir 1978, tetapi terpaksa menarik balik usul itu oleh sebab yang disebut di bawah. Sementara itu, *MCA* sebagai parti komponen *Barisan Nasional* mengambil pendirian tidak menyokong penubuhan universiti itu.

Di bawah ialah keratan akhbar *Suara Bersatu* bulan Disember 1978 berhubung dengan penarikan balik usul *DAP* itu:

> **Setiausaha Agungnya, Encik Lim Kit Siang mengumumkan keputusan partinya dalam sidang Dewan Rakyat semalan sehingga berlakunya pertelagahan dengan penyokong-penyokong kerajaan dan berakhir dengan semua anggota *DAP* meninggalkan Dewan.**
>
> **Sebaik sahaja Ketua Pembangkang itu selesai membuat pengumuman tersebut, Dewan Rakyat telah menjadi riuh dan bergema dengan perkataan 'boo' dari penyokong-penyokong kerajaan yang telah pun bersiap sedia menentang usul tersebut.**
>
> **Sebelum kejadian tersebut berlaku, Encik Lim Kit Siang memberitahu Dewan bahawa beliau terpaksa menarik balik usul yang telah dikemukakan buat sementara waktu kerana pada masa ini para peguam pihak penganjur sedang berbincang dengan Queen Councel di London.**
>
> **Katanya, perbincangan diadakan antara peguam pihak penganjur Universiti Merdeka dengan QC ialah berhubung dengan penolakan kerajaan Malaysia yang tidak berperlembagaan terhadap penubuhan Universiti Merdeka.**

## DAP PERTAHAN PELAJARAN CINA

Dalam *Semangat 46* berbaik-baik dengan *DAP* untuk menubuhkan kerajaan bersama, ia seperti orang yang leka tidur, melupai segala rekod *DAP* yang tetap mempertahankan pelajaran Cina dan untuknya tidak segan silu mengutuk pemimpin-pemimpin *UMNO* yang dirasakan mengancam pelaksanaan pelajaran itu.

Di bawah ialah keratan akhbar *Straits Echo* pada 1 November 1981, mengandungi kenyataan Setiausaha Agung *DAP*, Encik Lim Kit Siang yang mengutuk Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin, Bekas Timbalan Menteri Pelajaran dan kini adalah Setiausaha Agung *Semangat 46* berhubung dengan isu pelajaran dan ekonomi:

**Pulau Pinang, Sabtu — Setiausaha Agung *DAP*, Encik Lim Kit Siang, hari ini meminta sokongan bersama pengundi-pengundi untuk menentang dengan kuatnya dan tanpa kompromi sifat pelampau, merbahaya dan petualang Datuk Haji Suhaimi...**

**Beliau berkata Ketua Pemuda *UMNO*, Datuk Haji**

KIT SIANG URGES PROTEST BY ELECTORATE

# DAP lashes out at 'Suhaimism'

PENANG, Sat. — DAP Secretary-General Lim Kit Siang today called for the concerted effort from the electorate to repudiate loudly and uncomprisingly the extremist, dangerous, and opportunist creeds of "Suhaimism and Chan Teck Chanism."

He said that Umno Youth leader Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin is proving to be the most dangerous threat to national unity in the 1980s with his repeated extremist and chauvinistic demands and speeches.

He said that recently, Datuk Haji Suhaimi announced his opposition to the acquisition of Dunlop shares by Multi-Purpose Holdings (MPHB) and Pegi Malaysia on the grounds of violations of the New Economic Policy (NEP).

On the same grounds Datuk Haji Suhaimi also successfully blocked the acquisition of MPHB's move to control UMBC, he said.

Datuk Haji Suhaimi's extremist demands last year and at this year's Umno Youth conference included the demands for slowing down the economic growth of non-Malays, the ban of non-Malays buying foreigners' shares, and demands for the implementation of Clause 21(2) of the Education Act 1961 to convert Chinese and Tamil Primary schools into National schools.

He said that after making such extremist demands, Datuk Haji Suhaimi was promoted from Deputy Agriculture Minister to Deputy Education Minister overshadowing Datuk Chan Siang Sun who had been deputy Education Minister for over five years.

Mr Lim called on Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir to impose a tight rein on Datuk Haji Suhaimi or sack him as Deputy Education Minister, to assure the public that Datuk's Haji Suhaimi's views are not the Government's view.

Mr Lim said that the MCA could not be relied on to take a firm and unyielding stand against extremism as espoused by Datuk Haji Suhaimi.

"The most the MCA would do is allow some of its minor officials to make fierce speeches and condemnations of Datuk Haji Suhaimi but the top MCA leaders would let him understand that it is all a show," Mr Lim said.

The refusal of the MCA to support the DAP's motion in Parliament to condemn Datuk Haji Suhaimi for his extremist demands was another example of the MCA's double game, he said.

Mr Lim called on the electorate to reject extremism and chauvinism and political opportunism as represented by Mr Chan Teck Chan

"It is such political opportunists who are responsible for the continuing erosion of the constitutional, political, educational, economic, social and cultural rights of Malaysians particularly of the Malaysian Chinese," he said

Malaysians cannot break away from the bonds of political, economic, educational, social , and cultural injustice and inequalities so long as there are political opportunists masquerading as leaders, he said.

Kit Siang kata Suhaimi merbahaya

**Suhaimi telah menunjukkan bukti yang beliau adalah ancaman yang paling merbahaya kepada perpaduan nasional pada tahun-tahun 1980-an, kerana tuntutan-tuntutan dan ucapan-ucapannya yang melampau dan cunvinis dibuat berulang-ulang.**

*DAP* juga telah membuat laporan polis terhadap kenyataan Encik Fahmi Ibrahim yang didakwa mencabar keutuhan pelajaran Cina. Sekarang ini Encik Fahmi Ibrahim, sebagai seorang aktivis dalam parti Semangat 46, turut berkawan dengan parti cauvinis yang telah mengutuknya.

Di bawah ialah keratan akhbar *Utusan Melayu* pada 22 Ogos 1987 yang mengandungi berita *DAP* bertindak terhadap Encik Fahmi.

**Melaka, 21 Ogos — Dua orang anggota *DAP* hari ini membuat laporan polis mengenai kenyataan pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda *Umno*, Encik Fahmi Ibrahim yang didakwa sebagai menghasut dan mencabar.**

**Anggota-anggota *DAP* itu, terdiri dari Ahli Parlimen Kota Melaka, Encik Lim Guan Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Durian Daun, Encik Kerk Kim Hock yang membuat laporan di Balai Polis Melaka Tengah.**

**Menurut mereka, kenyataan Encik Fahmi yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Selangor disifatkan sebagai mencabar itu termasuklah:**

- **Penggunaan bahasa ibunda di sekolah dan universiti hanya bersifat sementara dan akan digantikan secara**

# DAP buat laporan polis terhadap kenyataan Fahmi

MELAKA 21 Ogos — Dua orang anggota DAP hari ini membuat laporan polis mengenai kenyataan Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO, Encik Fahmi Ibrahim yang didakwa sebagai menghasut dan mencabar.

Anggota - anggota DAP itu, terdiri dari Ahli Parlimen Kota Melaka, Encik Lim Guan Eng dan ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Durian Daun, Encik Kerk Kim Hock yang membuat laporan di Balai Polis Melaka Tengah.

Menurut mereka, kenyataan Encik Fahmi yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang disifatkan sebagai mencabar itu termasuklah:

- Penggunaan bahasa ibunda di sekolah dan universiti hanya bersifat sementara dan akan digantikan secara berperingkat:
- Bukannya tanggungjawab kerajaan untuk membangun, memelihara dan menjaga bahasa - bahasa lain, dan
- Penggunaan dan kedudukan bahasa Malaysia tidak seharusnya dicabar dan dipersoalkan seperti yang dilakukan oleh setengah - setengah pihak.

Mereka menggesa Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob mengambil tindakan segera untuk mempastikan kejadian - kejadian seumpama itu tidak berulang lagi demi kestabilan berbagai kaum di negara ini.

**Kenyataan Fahmi: DAP buat laporan polis**

berperingkat.

- Bukannya tanggungjawab kerajaan untuk membangun, memelihara dan menjaga bahasa-bahasa lain dan,
- Penggunaan dan kedudukan bahasa Malaysia tidak seharusnya dicabar dan dipersoalkan seperti yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak.

Mereka menggesa Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob mengambil tindakan segera untuk mempastikan kejadian-kejadian seumpama itu tidak berulang lagi demi kestabilan berbagai kaum di negara ini.

## DAP TOLAK TULISAN JAWI

Tulisan jawi sudah lama digunakan oleh orang-orang Melayu sebagai penganut Islam di negara ini. Malah sebelum kedatangan penjajah pun sudah terdapat tulisan ini dengan meluas dan ia terus berkembang selepas merdeka.

Mengapa pula *DAP* begitu takut dengan penggunaan tulisan ini?

Semata-mata kerana ia adalah tulisan orang-orang Melayu yang menampakkan unsur Islam di dalamnya.

Di sini jelas *DAP* adalah sebuah parti yang tidak toleran dan menentang segala unsur Islam demi memperjuangkan dasar pelbagai budaya dan pelbagai agamanya.

Di bawah ialah kerataan akhbar *Berita Harian* pada 1 Mei 1984 mengandungi berita tentang *DAP* terhadap tulisan jawi:

> **Kuala Lumpur, Isnin — *DAP* hari ini mencadangkan tulisan jawi tidak dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah menjelang tahun 1986.**
>
> **Sebaliknya usaha-usaha mempertingkatkan dan membaiki Bahasa Malaysia rumi mesti diteruskan dengan giat oleh kerajaan.**

# DAP cadang jangan wajibkan tulisan jawi

KUALA LUMPUR, Isnin — DAP hari ini mencadangkan tulisan jawi tidak dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah menjelang tahun 1986.

Sebaliknya, usaha-usaha mempertingkatkan dan membaiki Bahasa Malaysia rumi mesti diteruskan dengan giat oleh kerajaan.

Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw, dalam kenyataan akhbarnya berkata walaupun Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong menegaskan, mata pelajaran jawi tidak akan dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah, tetapi pelbagai perkara dirancang untuk memperkemaskan pelajaran jawi.

Antaranya ialah seperti cadangan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka hendak memperkemaskan tulisan Jawi kerana rancangan Kementerian Pelajaran mengajar tulisan jawi di semua sekolah.

Kementerian Pelajaran juga dikatakan telah mengarahkan agar tulisan jawi diajar di semua sekolah mulai sekolah rendah hingga menengah.

Secara tidak langsung, kata Dr Tan, ini menunjukkan dasar tulisan jawi akan digunakan tidak lama lagi dan selepas itu ia akan dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah.

Beliau mahukan Kementerian Pelajaran memikirkan semula langkahnya untuk menjadikan semula tulisan jawi sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah menjelang tahun 1986.

Mengenai masalah kekurangan guru pula, beliau berkata kajian separuh penggal yang dibentangkan baru-baru ini menunjukkan keadaan telah menjadi bertambah buruk.

DAP: Jangan wajib tulisan jawi

Ahli Perlimen Kepong, Dr. Tan Seng Giew, dalam kenyataan akhbarnya berkata walaupun Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Tan Tiong Hong menegaskan, mata pelajaran jawi tidak akan dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah, tetapi pelbagai perkara dirancang untuk memperkemaskan pelajaran jawi.

Antaranya ialah seperti cadangan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka hendak memperkenalkan tulisan Jawi kerana rancangan Kementerian Pelajaran mengajar tulisan jawi di semua sekolah.

Kementerian Pelajaran juga dikatakan telah mengarahkan agar tulisan jawi diajar di semua sekolah mulai sekolah rendah hingga menengah. Secara tidak langsung, kata Dr. Tan, ini menunjukkan dasar tulisan jawi akan digubal tidak lama lagi dan selepas itu ia akan dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah.

Beliau mahukan Kementerian Pelajaran memikirkan semula langkahnya untuk menjadikan semula tulisan jawi sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah menjelang tahun 1986.

## 5,000 BERARAK TENTANG DAP

DALAM kes seorang gadis Cina yang telah memeluk agama Islam, orang-orang Kelantan naik marah terhadap penglibatan *DAP* yang telah membantu keluarga gadis itu menyaman Majlis Agama Islam Kelantan (*MAIK*) dengan tujuan membawa balik gadis itu ke agamanya yang asal. 5,000 rakyat Kelantan telah berarak beramai-ramai menentang perbuatan DAP itu pada 26 Januari 1986.

Di bawah ialah laporan-laporan akhbar berhubung dengan kejadian berkenaan:

*Utusan Malaysia,* 27 Januari 1986

**Kota Bharu, 26 Jan — Kira-kira 5,000 orang berhimpun secara aman di depan bangunan mahkamah di sini hari ini mengikuti perkembangan perbincangan di kamar hakim mengadili kes gadis bukan Melayu memeluk Islam di samping membantah penglibatan *DAP* dalam isu itu.**

**Beberapa poster yang mengecam *DAP* digantung di pagar kawasan mahkamah. Orang ramai mulai membanjiri mahkamah sejak 6 pagi tetapi bersurai buat sementara setelah diarah oleh polis tetapi banyak lagi yang datang satu setengah jam kemudian.**

Bilangan mereka meningkat lebih 3,000 orang pukul 10 pagi sehingga melimpahi Jalan Hospital lalu ditutup kepada lalulintas. Kira-kira 100 orang anggota polis yang setengahnya lengkap bersenjata mengawal sekeliling kawasan dan depan pintu masuk bangunan mahkamah.

Tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku walaupun kadang-kala kedengaran beberapa pekikan terhadap anggota polis yang mengawal pintu masuk itu. Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Penguasa Zaid Haji Yahya dan Ketua Pemuda *UMNO* Negeri, Encik Hashim Safin yang berada di situ minta mereka bersurai setelah diberitahu kes itu ditangguhkan untuk keputusan pada 2 Februari.

Dalam kes itu, tukang kayu, Ng Sin Man menyaman Majlis Agama Islam Kelantan (*MAIK*) dan guru besar Sekolah Menengah Kamil Pasir Putih kerana dikatakan bertanggungjawab terhadap pemelukan Islam anak gadisnya, Yee Kuan, 16 tahun tanpa pengetahuan dan kerelaannya.

Encik Ng mengemukakan *writ harbeaus corpus* di Mahkamah Tinggi di sini meminta anak gadisnya diserahkan semula kepada pangkuan keluarga pada 15 Januari.

Peguamnya, Encik Gooi Hock Seng berkata hari ini pihaknya telah mengambil keputusan menggugurkan saman itu kerana gadis berkenaan telah diserahkan kepada pangkuan keluarganya semalam. Penarikan balik *writ* itu dibuat hasil perundingan antara keluarga plaintif dengan *MAIK* dan guru besar sekolah berkenaan petang semalam di Pasir Puteh.

*Utusan Melayu*, 3 Februari 1986.

**"Kota Bharu, 2 Februari — Peguambela kepada bapa gadis Tionghua, Ng Yee Kuan, yang memeluk agama Islam dan menyaman Majlis Agama Islam Kelantan (*MAIK*), Encik Goi Hock Seng, meminta polis negeri ini menyiasat dan menangkap orang-orang yang bertanggungjawab menganjurkan tunjuk perasaan di depan Mahkamah Tinggi di sini melibatkan 5,000 orang minggu lalu.**

**Bercakap dalam satu sidang akhbar selepas menghadiri perbincangan tertutup mengenai kes tersebut di kamar Mahkamah tinggi di sini, Gooi berkata, beliau menghargai tindakan polis mengawal keselamatan mahkamah pada 26 Januari, iaitu tarikh dijadualkan berlangsung perbicaraan itu.**

**Bagaimanapun, apa yang saya harapkan di sini, tugas polis bukan terhenti di situ sahaja malahan mesti meneruskan siasatan dan menangkap orang-orang yang bertanggungjawab menganjurkan, demonstrasi hari ini, katanya.**

## DAP MENENTANG DEB

WALAUPUN banyak kata-kata dihamburkan oleh pemimpin-pemimpin *DAP* bahawa orang miskin dari semua kaum mesti dibantu, tetapi pada hakikatnya ia menentang usaha-usaha kerajaan menambah kekayaan orang Melayu atas alasan ia menguntungkan segelintir orang-orang Melayu sahaja.

Ia tidak senang melihat orang Melayu mencapai kejayaan dalam berbagai bidang melalui penggunaan hak istimewa dan Dasar Ekonomi Baru.

Sebab itu ia menentang keras matlamat penyusunan semula *DEB* dan membuat kritikan-kritikan yang boleh melemahkan kerajaan dan orang-orang Melayu sendiri. Terakhir sekali setelah ia bersetuju menganggotai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (*MAPEN*) yang bertujuan menggubal semula dasar ekonomi negara selepas *DEB*, dengan tiba-tiba ia menarik diri dari badan itu.

Dengan penarikan diri itu, ia boleh berkata kepada orang-orang bukan Melayu bahawa ia tidak menyokong kandungan dasar ekonomi yang sedang digubal itu.

# Percubaan DAP hendak gagalkan DEB didedah

KUALA LUMPUR, Rabu — Dewan Rakyat petang ini, diberitahu bahawa parti DAP cuba menggagalkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan meracuni fikiran rakyat supaya tidak memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan dalam melaksanakannya.

Menyebut demikian, penyokong kerajaan dari Pasir Puteh, Encik Mohd. Najib Wan Muhamad berkata, DEB dijadikan isu politik yang besar oleh para pemimpin parti itu untuk menempelak Kerajaan.

"DAP berhasrat untuk menggagalkan pelaksanaan DEB, sebab itu segala yang buruk dan negatif terhadap Kerajaan sengaja dibesar-besarkan," katanya ketika membahas usul Kajian Separuh Penggal RMT.

Encik Mohd. Najib berkata, DAP sentiasa mencari jalan untuk meracuni fikiran rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak benar.

Dalam hubungan ini, tambahnya, DAP bersikap melempar batu sembunyi tangan. "Saya anggap pemimpin seperti ini tidak rasional dan negatif," ujarnya.

"Kiranya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini gagal, tidak ada sebab lain, melainkan disebabkan oleh tindak tanduk pihak pembangkang," katanya.

Dalam menyampaikan hujah-hujahnya ini, Encik Mohd. Najib — empat kali — diganggu oleh anggota DAP dari Kota Melaka, Encik Chan Teck Chan.

Encik Mohd. Najib mendakwa DAP bukan sahaja cuba menggagalkan DEB, malah ia juga cuba menimbulkan huru-hara dan kucar-kacir dalam negara ini, "dan di saat itulah mereka akan menangguk di air keruh," ujarnya.

Beliau berharap rakyat tidak mudah terpengaruh dengan segala hasutan dan dakyah-dakyah dari pembangkang.

Mengenai soal pelajaran pula, Encik Mohd. Najib menyifatkan para pemimpin DAP sebagai golongan yang "tidak pernah mengenang budi dan beri betis hendak paha."

Beliau menyesali sikap pemimpin-pemimpin seperti itu yang sentiasa mengungkit-ungkitkan soal qota kemasukan para pelajar bukan Melayu ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Menurut beliau, bilangan para pelajar bukan Melayu di pusat pengajian tinggi di akhir tahun [illegible] sebanyak 53.2 peratus dan pelajar Melayu [illegible]8 peratus. "Apa peratusan angka ini menggambarkan jumlah penduduk di negara ini?" tanya beliau.

Encik Najib menggesa Kerajaan supaya jangan bertolak ansur dan tunduk kepada tekanan-tekanan DAP berhubung dengan qota kemasukan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi.

Sementara itu, Encik Mahiaddin Md. Yasin (BN-Pagoh) menggesa Kerajaan menambahkan peruntukan untuk tabung pusingan atau pinjaman kepada badan-badan kemajuan negeri sebanyak 100 peratus menjadikan $10 juta setahun untuk mempercepatkan lagi pembangunan perumahan di negara ini.

Katanya, peruntukan tambahan itu membolehkan badan-badan tersebut memainkan peranan yang lebih berkesan, terutama di peringkat negeri untuk memperbanyakkan projek-projek perumahan.

"Kerajaan hendaklah memastikan bahawa setiap keluarga di negara ini mempunyai rumah untuk berlindung," katanya.

Di samping itu, beliau juga menggesa Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memperbanyakkan syarikat pemaju perumahan terutama kepunyaan Bumiputera untuk membina rumah-rumah kos rendah.

DAP cuba gagal DEB

Di bawah ialah keratan-keratan akhbar berhubung dengan sikap *DAP* terhadap Dasar Ekonomi Baru, seperti yang ternyata dari ucapan seorang bekas Ahli Parlimen *BN* dan dari ucapan Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah:

*Berita Harian*, 22 Mac 1979

**Kuala Lumpur, Rabu — Dewan Rakyat petang ini, diberitahu bahawa parti *DAP* cuba menggagalkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (*DEB*) dengan meracuni fikiran rakyat supaya tidak memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan dalam melaksanakannya.**

**Menyebut demikian, penyokong kerajaan dari Pasir Puteh, Encik Mohd. Najib Wan Mohamad berkata, *DEB* dijadikan isu politik yang besar oleh para pemimpin parti itu untuk menempelak kerajaan.**

**"*DAP* berhasrat untuk menggagalkan pelaksanaan *DEB*, sebab itu segala yang buruk dan negatif terhadap kerajaan sengaja dibesar-besarkan," katanya ketika membahas usul Kajian Separuh Penggal *RMT*.**

**Encik Mohd. Najib berkata, *DAP* sentiasa mencari jalan untuk meracuni fikiran rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak benar. Dalam hubungan ini, tambahnya, *DAP* bersikap melempar batu sembunyi tangan, "Saya anggap pemimpin seperti ini tidak rasional dan negatif," ujarnya.**

**"Kiranya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini gagal, tidak ada sebab lain, melainkan disebabkan oleh tindak tanduk pihak pembangkang," katanya. Encik**

# Keluar MAPEN: Keputusan DAP disokong

ALOR SETAR: Pengerusi DAP Kedah/Perlis, Encik George John, terperanjat dengan keputusan DAP Pusat bertindak keluar daripada Majlis Perancangan Ekonomi Negara (MAPEN) baru baru ini.

Katanya, Keputusan DAP Pusat keluar daripada MAPEN bagi kali kedua merupakan satu keputusan yang meneranjatkan. Walau bagaimanapun DAP Kedah tetap menyokong keputusan tersebut.

Menurut beliau, walaupun keputusan tersebut tidak dimaklumkan kepada DAP negeri terlebih dahulu tetapi semua organisasi DAP negeri tetap menyokong tiap keputusan DAP Pusat.

Bercakap kepada *Watan* di pejabat beliau, menurut Encik George John, keputusan DAP bertindak keluar daripada menganggotai MAPEN bukan menunjukkan sikap DAP menentang kerajaan.

Katanya, keputusan DAP meninggalkan MAPEN kerana menyedari sebarang keputusan yang diambil oleh MAPEN tidak akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Menurut beliau, DAP menyedari keadaan ini akan berlaku berikutan beberapa perkembangan dan kenyataan pucuk pimpinan kerajaan baru baru ini.

"Timbalan Perdana Menteri sendiri dalam ucapannya di kempen pilihanraya kecil Sungai Besar baru baru ini, dasar ekonomi baru akan tetap diteruskan."

Oleh itu menurut Encik George John, pengumuman Timbalan Perdana Menteri itu, Encik Ghafar Baba ini menunjukkan sikap kerajaan yang cuba membelakangkan keputusan dan rumusan yang diambil oleh Jawatankuasa MPEN nanti.

Menurut beliau, "Sepatutnya sebelum kerajaan mengumum untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru hendaklah mengambil kira rumusan yang dibuat oleh MAPEN terlebih dahulu."

Katanya, tujuan diwujudkan MAPEN sendiri ialah bagi mengkaji peranan DEB dan menilai kembali peranan tersebut.

Tatapi katanya, sekiranya Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan tersebut setelah merujuk terlebih dahulu keputusan MAPEN, tindakan DAP keluar menganggotai jawatankuasa tersebut tidak akan timbul.

Beliau juga menyifatkan perkembangan yang berlaku kebelakangan ini menunjukkan kerajaan tidak memberi satu jaminan akan melaksanakan sebarang keputusan yang akan diambil oleh MAPEN itu.

Sehubungan itu, beliau percaya akan kembali menyertai MAPEN. Sekiranya kerajaan dapat membuktikan akan melaksanakan sebarang keputusan ayng akan dibuat oleh MAPEN nanti.

**MAPEN: Keputusan DAP disokong**

Mohd. Najib mendakwa *DAP* bukan sahaja cuba menggagalkan *DEB*, malah ia juga menimbulkan huru-hara dan kucar-kacir dalam negara ini, "Dan di saat inilah mereka akan menangguk di air keruh," ujarnya.

Beliau berharap rakyat tidak mudah terpengaruh dengan segala hasutan dan dakyah-dakyah parti pembangkang. Mengenai soal pelajaran pula, Encik Mohd. Najib menyifatkan para pemimpin *DAP* sebagai golongan yang "tidak pernah mengenang budi dan beri betis hendak peha."

Beliau menyesali sikap pemimpin-pemimpin parti itu yang sentiasa mengungkit-ungkitkan soal kuota kemasukan para pelajar bukan Melayu ke pusat-pusat pengajian tinggi.

*Berita Harian*, 9 November 1978

Kuala Lumpur, Rabu — Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah menuduh *DAP* menjalankan aktiviti mengkhianati ekonomi negara. Katanya, subversion itu dijalankan menerusi kenyataan-kenyataan "yang jahat dan nakal sama sekali tidak berasas, dan bermaksud untuk mengelirukan fikiran rakyat. Ini adalah "economic subversion."

Beliau mengecam wakil *DAP* Seremban yang membuat tuduhan palsu terhadap belanjawan kerajaan yang dibentangkan kepada Dewan Rakyat sewaktu membahas belanjawan 1979. Sewaktu menggulung perbahasan, Tengku Razaleigh menyatakan ahli dari Seremban tentu sedar bahawa tuduhan beliau itu adalah palsu.

# DAP khianati ekonomi kita — Razaleigh

[illegible] Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menuduh DAP menjalankan aktiviti mengkhianati ekonomi negara.

Katanya, subversion itu dijalankan menerusi kenyataan-kenyataan yang jahat dan nakal sama sekali tidak berasas, dan bermaksud untuk mengelirukan fikiran rakyat. Ini adalah "economic subversion".

Beliau mengecam wakil DAP Seremban yang membuat tuduhan jahat terhadap belanjawan kerajaan yang dibentangkan kepada Dewan Rakyat sewaktu membahas belanjawan 1979.

KUALA LUMPUR, Rabu

Sewaktu menggulung perbahasan, Tengku Razaleigh menyatakan ahli dari Seremban tentu sedar bahawa tuduhan beliau itu adalah palsu.

## Palsu

"Kalau tidak, beliau mestilah dianggap sama ada amat bebal dalam hal pengurusan ekonomi dan kewangan, atau pun sengaja nak buat jahat dan nakal.

"Kita semua sedar siapa dia yang cuba mengancam keselamatan negara kita melalui aktiviti-aktiviti subversif.

Sebelum ini beliau menegaskan bahawa strateji belanjawan 1979 adalah di susun untuk menentang sebarang kesan buruk akibat dari keadaan ekonomi dunia yang lengah dan tidak pasti.

Katanya, strateji seperti itu akan menjamin ekonomi Malaysia terus berkembang pada paras yang tinggi sesuai dengan maksud dan tujuan menjaga kestabilan harga.

"Kerajaan memang cukup sedar bahawa kalau ekonomi dunia berkembang dengan lengah dan lembab, maka akibatnya adalah buruk kepada pendapatan eksport Malaysia dan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

"Maka itulah sebabnya strateji belanjawan tahun 1979 telah di susun supaya dapat menentang sebarang kesan yang buruk akibat keadaan ekonomi dunia itu," katanya.

Beliau menegaskan segala langkah yang diumumkan dalam belanjawan 1979 termasuk perbelanjaan awam yang lebih tinggi, adalah dimaksudkan untuk menggalakkan permintaan dalam negeri supaya Malaysia dapat mencapai pertumbuhan ekonomi pada paras 7.2 peratus pada nisbah yang sebenar bagi tahun 1979.

9 NOV 1978

"Dengan jalan ini, perbelanjaan pelaburan awam dijangka akan naik sebanyak 9.6 peratus pada nisbah yang sebenar, manakala pelaburan swasta dijangka akan naik sebanyak 10 peratus dalam tahun 1979.

## Meramalkan

"Sekiranya, keadaan ekonomi dunia merosot lagi, maka kerajaan kita tidak akan teragak-agak bagi mengadakan langkah-langkah yang lain untuk menggalakkan permintaan dalam negeri bagi menjamin supaya ekonomi kita terus tumbuh pada paras yang tinggi supaya kebajikan rakyat tidak terjejas," katanya.

Mengenai inflasi Tengku Razaleigh menyatakan kenaikan harga tahun ini adalah sederhana.

Data terakhir bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini, katanya menunjukkan angka tunjuk harga pengguna naik secara sederhana, iaitu sebanyak kira-kira 5 peratus.

"Kenaikan ini nyatalah membayangkan kestabilan paras barang-barang makanan, yang harga naik sebanyak kira-kira 3 peratus, berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.

Razaleigh: DAP khianati ekonomi kita

"Kalau tidak, beliau mestilah dianggap sama ada amat bebal dalam hal pengurusan ekonomi dan kewangan, atau pun sengaja nak buat jahat dan nakal."

"Kita semua sedar siapa dia yang cuba mengancam keselamatan negara kita melalui aktiviti-aktiviti subversif." Sebelum ini beliau menegaskan bahawa strategi belanjawan 1979 adalah disusun untuk menentang "sebarang kesan buruk akibat dari keadaan ekonomi dunia yang lengah dan tidak pasti.

Katanya, strategi seperti itu akan menjamin ekonomi Malaysia terus berkembang pada paras yang tinggi sesuai dengan maksud dan tujuan menjaga kestabilan harga.

"Kerajaan memang cukup sedar bahawa kalau ekonomi dunia berkembang dengan lengah dan lembab, maka akibatnya adalah buruk kepada pendapatan eksport Malaysia dan ini akan menjejaskan pertubuhan ekonomi kita."

"Maka itulah sebabnya strategi belanjawan tahun 1979 telah disusun supaya dapat menentang sebarang kesan yang buruk akibat keadaan ekonomi dunia itu," katanya.

*Watan*, 9 November 1989

Alor Setar: Pengerusi *DAP* Kedah-Perlis, Encik George John, terperanjat dengan keputusan *DAP* Pusat bertindak keluar daripada Majlis Perundingan Ekonomi Negara (*MAPEN*) baru-baru ini.

Katanya, keputusan *DAP* Pusat keluar daripada

*MAPEN* bagi kali kedua merupakan satu keputusan yang memeranjatkan. Walau bagaimanapun *DAP* Kedah tetap menyokong keputusan tersebut.

Katanya, keputusan *DAP* meninggalkan *MAPEN* kerana menyedari sebarang keputusan yang diambil oleh *MAPEN* tidak akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Menurut beliau, *DAP* menyedari keadaan ini akan berlaku berikutan beberapa perkembangan dan kenyataan pucuk pimpinan kerajaan baru-baru ini.

# DAP MENENTANG BUMIPUTERA

MENGAMBIL iktibar dari Dasar Ekonomi Baru yang menghendaki penyertaan Bumiputera sebanyak 30 peratus dalam sektor ekonomi, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan telah mensyaratkan semua pemilik pasaraya di sini supaya menerima pesyertaan 30 peratus Bumiputera.

Tetapi usaha kecil ini oleh Majlis Perbandaran bagi menambahkan penyertaan bumiputera telah dijadikan isu besar oleh *DAP*. Pengerusi parti itu, Dr. Chen Man Hin berkata amalan itu adalah bertentangan dengan kemajuan ekonomi yang bebas bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Di bawah ialah keratan akhbar *New Straits Times* pada 11 Julai 1984, melaporkan tentangan *DAP* itu:

> **Seremban, Selasa — Pemilik enam buah pasaraya di Kota Bharu telah diberitahu oleh Majlis Perbandaran dalam bulan Februari supaya mengkaji semula pemilikan saham-saham selaras dengan rancangan kerajaan negeri. Mereka telah diberi amaran bahawa kegagalan mereka berbuat demikian sebelum 1986 akan menyebabkan lesen-lesen mereka ditarik balik. Dr. Chen menganggap 'ugutan itu' sebagai penyalahgunaan yang nyata terhadap matlamat-matlamat *DEB* dan merupakan satu cara yang drastik oleh pihak berkuasa.**

## DAP MAHU KEKALKAN PELARIAN VIETNAM

Sejak dari awal lagi *DAP* terkenal sebagai parti cauvinis yang menonjolkan segala perkara yang berbau kecinaan, dan serentak dengan itu amat tidak senang terhadap sebarang perkembangan yang dianggap boleh menguntungkan orang-orang Melayu.

Satu bidang yang amat dicemburuinya ialah kemasukan beramai-ramai buruh asing, khasnya dari Indonesia dan Filipina yang ada pertalian darah, sejarah dan kebudayaan dengan orang-orang Melayu di Malaysia. Ia lupa sama sekali bahawa kemasukan buruh itu ialah bagi menyahut kekurangan buruh dalam ekonomi yang berkembang pesat; sepertimana kemasukan buruh Cina dan India pada awal kurun ini adalah atas desakan yang sama.

Dalam menyatakan rasa tidak senangnya terhadap pendatang Indonesia dan Filipina, anehnya DAP menentang pula rancangan kerajaan untuk menghantar balik 73,000 pelarian Vietnam yang berada di Terengganu pada tahun 1979.

DAP MAHU KEKALKAN PELARIAN VIETNAM

# DAP to Govt: State your policy on illegal migrants

KUALA LUMPUR, Sat — The DAP has urged the Government to announce its policy on illegal immigrants and children born to them here as the party claimed there were one million of them in the country.

DAP secretary-general Lim Kit Siang said today that this would give the people an opportunity to reject or accept the policy.

He said if the Government allowed second-generation illegal immigrants to stay in the country, then it had taken a policy decision to allow them to become citizens.

"This policy decision means that the Government will allow first and second-generation Indonesians to become part of Malaysian society by 1990," he said at a dinner to mark the opening of the DAP Kulai branch.

Mr Lim, who is also the Opposition Leader, said the presence of over a million Indonesian, Filipino and other foreign nationals was "intolerable and highly detrimental to the delicate balance and make-up of the Malaysian polity."

He said that for the long-term future of the country, the Government should not permit the illegal immigrant problem to drag on without a solution.

"Dragging it on, would only increase the pressure for their domicilisation and regularisation in Malaysia," he said.

On the number of immigrants in the country, Mr Lim alleged that the Government was refusing to give an estimate on the total number of immigrants.

Mr Lim said that the Indonesian Foreign Minister had claimed last month that there were 500,000 Indonesians in the country.

But in August, 1983, an Indonesian source said that there were between 500,000 to 600,000 Indonesians in Sabah, he added.

"The number of Indonesians in the country could be between 800,000 to one million. This figure does not include the Filipino and Burmese Muslim refugees," he said.

Mr Lim also claimed that the labour pact between Indonesia and Malaysia had been a failure.

He also said conflicting age of workers in plantations were being released.

He said the Deputy Home Minister Radzi Sheikh Ahmad had stated last year in Parliament that the country would face a shortage of 60,000 workers this year.

"But the Land and Regional Development Minister Datuk Seri Adib Adam has claimed that the Ministry was short of about 300,000 workers last year in estates and plantations.

"Is Datuk Seri Adib's latest inflated figures a prelude to opening the doors even wider for the illegal immigrants," he asked.

Mr Lim also said that the advocates of more immigrants should realise the country's unemployment rate is over six per cent.

DAP tentang kemasukan buruh Indonesia dan Filipina

Adakah kerana mereka itu dari keturunan Cina menyebabkan *DAP* bersimpati dengannya?

Di bawah ialah keratan akhbar *Sunday Star* pada 30 Jun 1985, mengandungi kenyataan Encik Lim Kit Siang, Setiausaha Agung *DAP* berhubung dengan pendatang Indonesia dan Filipina:

**Kuala Lumpur, Sabtu — Beliau berkata jika kerajaan membenarkan pendatang haram generasi yang kedua tinggal di negara ini, maka ia telah membuat keputusan dasar untuk membenarkan mereka menjadi warganegara.**

**"Keputusan dasar ini bermakna kerajaan akan membenarkan generasi pertama dan kedua Indonesia menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia menjelang tahun 1990," kata beliau di satu jamuan makan malam bagi merasmikan pembukaan *DAP* cawangan Kulai.**

**Beliau berkata kehadiran lebih daripada sejuta orang Indonesia, Filipina dan rakyat asing tidak boleh diterima sangat memandang keadaan perimbangan penduduk yang ada di Malaysia.**

Pendirian *DAP* mengenai pelarian Vietnam dapat dilihat pada tentangannya terhadap cadangan kerajaan mengusir keluar kesemua pelarian-pelarian itu, yang menimbulkan reaksi marah di kalangan Pergerakan Wanita *UMNO*. Akhbar *Utusan Melayu* pada 18 Jun 1979 melaporkan:

**Shah Alam, 17 Jun — Pergerakan Wanita *UMNO* Malaysia**

hari ini mengecam keras sikap *DAP* yang tidak mahu menyokong keputusan kerajaan untuk mengusir keluar semua 73,000 pendatang haram Vietnam dari negara ini.

Ketuanya, Datin Paduka Aishah Ghani berkata, *DAP* masih mahu memperjudikan soal-soal bersabit dengan kepentingan negara walaupun Malaysia sekarang berada di dalam kedudukan paling rumit dan sukar.

Para pemimpin *DAP* cuma mahu mengeksploitasikan pendatang haram untuk kepentingan politik mereka, walaupun terpaksa menggadaikan negara sendiri, tegasnya.

Beliau telah mengecam demikian dalam satu pertemuan dengan *Utusan Melayu* di kursus ekonomi dan pelajaran Wanita *UMNO* Malaysia di sini.

Sambil menyokong penuh dengan keputusan kerajaan untuk mengusir keluar semua pendatang haram tersebut, Datin Paduka Aishah menegaskan, seluruh rakyat termasuk para pembangkang sendiri patutnya menyokong langkah yang hendak diambil oleh kerajaan itu.

## BUKIT CINA: DAP HALANG KERAJAAN MELAKA

BAGI kemajuan negeri Melaka, kerajaan negeri telah mengambil keputusan untuk mengadakan pembangunan di Bukit Cina, yang melibat kerja meratakan tanah di bukit itu dan membuang kubur-kubur Cina yang sebenarnya tidak lagi dipakai. *DAP* mentafsirkannya sebagai perbuatan menghapuskan warisan orang-orang Cina, sedangkan niat kerajaan negeri semata-mata untuk mengadakan pembangunan.

Begitulah sifat perkauman *DAP*, mendorongnya melancarkan kempen 'Selamat Bukit Cina'. Ia mengadakan berbagai protes bagi menghalang pembangunan itu, termasuk menunggang basikal beramai-ramai dari Cheras, Kuala Lumpur ke Bukit Cina dan berjalan kaki di Melaka dan Pulau Pinang.

Di bawah ialah dua keratan akhbar mengenai ahli-ahli *DAP* yang ditahan kerana membuat protes itu.

*The Star*, 3 September 1984

**Alor Gajah, Ahad — Polis menahan lebih daripada 30 ahli *DAP* hari ini dan menyekat perarakan basikal anjuran parti itu di Pulau Sebang, 35 km dari Bukit Cina. 2 orang penunggang basikal dan pemandu van ditahan kerana mempamer secara lisan bendera-bendera parti. Manakala seorang ahli cawangan *DAP* ditahan kerana memiliki senjata-senjata merbahaya.**

**Tetapi Setiausaha Agung *DAP*, Encik Lim Kit Siang, Ketua *DAP* Selangor, Dr. Tan Seng Giaw, Ketua *DAP* Negeri Sembilan, Encik Hu Sepang dan beberapa ahli parti membuat keputusan akan berjalan kaki buat seterusnya.**

**Perarakan basikal 148 km dari Cheras, Kuala Lumpur ke Bukit Cina adalah sebahagian kempen protes *DAP* terhadap rancangan kerajaan Melaka untuk membangunkan bukit itu.**

*Utusan Malaysia*, 20 Ogos 1984

**Melaka, 19 Ogos — Polis telah menahan 23 orang termasuk seorang wakil rakyat *DAP* dan tiga orang wanita kerana berkumpul secara haram sebelum menyertai acara jogging di Bukit Cina di sini pagi tadi.**

**Seramai 22 orang dari mereka akan didakwa di Mahkamah Majistret di sini pada 24 September ini atas tuduhan berkumpul secara haram di bawah Seksyen 27 (5) Akta Polis 1967 yang melarang orang ramai berkumpul lebih dari 3 orang.**

## KESIMPULAN

MELIHAT corak politik *DAP* dan tindak-tanduk pemimpin-pemimpinnya sejak berpuluh tahun yang lalu, nyata ia tetap dengan pendiriannya untuk melaksanakan konsepnya ke atas masyarakat Malaysia.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, kritikan-kritikannya boleh menyebabkan kerajaan menjadi lebih bersiap sedia dan berkesan dalam menjalankan khidmatnya.

Tetapi dengan serangan-serangan yang berterusan terhadap dasar kerajaan, akan ada nanti lebih ramai pihak-pihak yang menerima pendirian parti itu.

Malah dalam pencaturan politik Melayu, ada pihak seperti *Semangat 46* yang sanggup berganding bahu dengan *DAP* dan meninggalkan sama sekali perjuangan untuk maruah dan keutuhan bangsa. Walaupun kerjasama itu terbit dari kekecewaan semasa di dalam *UMNO*, tetapi kesannya ialah serba sedikit kuasa Melayu dapat dihakis olehnya, yang akan menyukarkan perjalanan *UMNO*.

Memandangkan bahaya ini, seluruh orang Melayu perlu

didedahkan tentang implikasi kerjasama *Semangat 46* dengan *DAP*, khasnya bagaimana *Semangat 46* telah terperangkap dengan politik *DAP* yang bertujuan menggunakan parti itu untuk mencapai kuasa. *DAP* sudah bosan dengan peranan mengkritik saja dan sekarang ingin memegang tampok pemerintahan.

Sebab itu sanggup bekerjasama dengan *Semangat 46*. Biarlah Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, asalkan asas pemerintahan yang bersama itu dipegang oleh *DAP*.

Atas kesanggupan *DAP* menerimanya sebagai pemimpin utama, Tengku Razaleigh mula taksub dengan parti itu sehingga seolah-olah mengenepikan *Pas*.

Hal seperti ini boleh dieksploitasi bagi mewujudkan jurang antara *Pas* dengan *Semangat 46* sehingga ahli kedua-dua parti itu tidak mempercayai satu sama lain. Manakala pendedahan tentang politik perkauman *DAP* akan menakutkan orang-orang Melayu, termasuk penyokong-penyokong *Semangat 46* untuk mengundi calon-calon *DAP*.

NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
Suite 9.3, Tingkat 9, Wisma On-Tai,
161, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2613945, 03-2613946. Fax: 2617826